

18 SEP 1999

Mahathir-pilihan raya

SOKONGAN SABAH GALAKKAN PILIHAN RAYA LEBIH AWAL

TUARAN, 18 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini sokongan padu rakyat Sabah kepada Barisan Nasional (BN) lebih menggalakkan beliau untuk mengadakan pilihan umum lebih awal.

Menurut Perdana Menteri bagaimanapun beliau akan pergi ke sesetengah negeri sekali atau dua kali untuk menggumpulkan lebih banyak maklum balas dan maklumat sebelum membubarkan Parlimen.

"Saya berpendapat bahawa kita diberi mandat selama lima tahun... pilihan raya ada kosnya... kita tak perlu ada pilihan raya sebelum genap lima tahun," katanya pada persidangan media sebelum berlepas ke Kuala Lumpur. Beliau sebelum itu berucap dalam sesi tertutup pada Konvensyen Pergerakan Pemuda Barisan Nasional Kebangsaan di sini.

Kovensyen empat hari itu yang berakhir hari ini diadakan sebagai persiapan pergerakan itu menghadapi pilihan raya umum.

Beliau berkata beliau kini sedang mengumpul lebih banyak maklumat dan data sebelum boleh mengadakan pilihan raya.

"Saya menunggu semua maklumat sebelum membuat keputusan, kita tidak membuat keputusan secara tiba-tiba, bukan seronok, kita kena tahu maklumat, tak boleh cuma satu tempat ataupun satu-satu pertunjuk sahaja," katanya.

Mengenai persiapan pilihan raya di Sabah, Dr Mahathir berkata BN negeri sudah bersedia menghadapinya sejak pilihan raya negeri Mac tahun ini.

"Saya berpendapat Sabah sudah cukup bersedia, jentera pilihan raya negeri yang lalu masih wujud, dan ia telah dipertingkatkan berikutan kesedaran dan kefahaman tentang BN .. jadi saya fikir Sabah telah bersedia," katanya.

Pilihan raya negeri diadakan Mac lepas dengan BN mencapai kemenangan lebih dua-pertiga daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Katanya rakyat Sabah sangat kuat menyokong BN dan ini terbukti kerana dalam setiap kunjungannya ke sini beliau disambut dengan meriah dan rakyat sangat mengalu-alukannya.

"Keadaan seperti ini tidak berlaku sebelum ini...kadang-kadang mereka bermusuhan ..tetapi sekarang tidak," katanya.

Katanya rakyat Sabah sudah yakin yang BN boleh menunaikan segala janjinya untuk membangunkan negeri ini.

Ditanya adakah masih ada masalah dalam BN yang menyebabkan beliau masih lagi belum mengumumkan tarikh pilihan raya, beliau berkata BN akan dapat menyelesaikan segala masalahnya.

"Sesiapapun ada masalah, anda tanya DAP mereka juga mempunyai masalah. Dalam Barisan Alternatif (gabungan parti pembangkan), mereka mahu memberikan kerusi yang sukar dimenangi kepada Parti Keadilan untuk memastikan mereka (Keadilan) akan kalah," katanya.

--BERNAMA

TM RI